

24 APR 2002
CHINA-MALAYSIA/I
MAJLIS PERNIAGAAN BERSAMA CHINA-MALAYSIA DITUBUH

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Majlis Perniagaan Bersama China-Malaysia ditubuhkan hari ini dengan pemeteraian perjanjian antara Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Majlis bagi Penggalakan Perdagangan Antarabangsa China (CCPIT).

Pada upacara menanda tangani hari ini, ASLI diwakili oleh ketua pegawai eksekutif dan pengarahnya Datuk Dr Michael Yeoh dan CCPIT oleh naib penerusnya Wan Ji Fei

Yeoh adalah juga setiausaha bersama bagi majlis perniagaan bersama itu.

Naib Presiden Republik Rakyat China yang sedang melawat ke sini, Hu Jintao menyaksikan upacara itu. Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan presiden ASLI Mirzan Mahathir.

Tan Sri Lee Kim Yew, yang juga pengarah urusan Country Heights Holdings Bhd dilantik pengerusi bersama bagi Majlis Perniagaan Bersama China-Malaysia manakala pihak China belum lagi melantik calonnya.

Majlis perniagaan bersama itu akan menumpukan kepada mempertingkatkan perhubungan perniagaan dua hala dan memperkukuhkan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara termasuk penggalakan perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi

Majlis itu juga akan menganjurkan secara aktif lawatan-lawatan delegasi perdagangan dan pameran-pameran untuk menggalakkan produk-produk dan perkhidmatan satu sama lain.

Ia akan mengandungi 20 hingga 25 peniaga daripada kedua-dua pihak daripada negara-negara brekenaan dan diketuai oleh dua pengerusi bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju menjadi Penaung Majlis Perniagaan Bersama itu dengan Menteri Peredagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Penasihat Kehormat.

Mirzan memberitahu taklimat akhbar bahawa majlis itu akan menumpukan kepada beberapa bidang keutamaan seperti pembangunan sumber manusia, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), teknologi maklumat dan komunikasi, rawatan kesihatan, agro perniagaan, pelancongan, pendidikan, pesta dan pameran perdagangan dan usaha-sama.

Sebaliknya, Mirzan berkata bahawa China boleh menggunakan Malaysia sebagai landasan untuk memasuki pasaran Asean yang mempunyai penduduk kira-kira 530 juta.

Dengan majlis itu beliau berharap agar bidang kerjasama baru akan digalakkan di antara kedua-dua negara.

Lee, yang juga pengerusi bersama pihak Malaysia, menggesa para peniaga Malaysia, yang mempunyai keupayaan bertutur bahasa China dan mempunyai maklumat mengenai kebudayaan mereka, supaya mengusahakan peluang-peluang yang luas yang diwujudkan dengan pembukaan pasaran China.

Dengan ekonomi China yang bertambah baik, lebih banyak syarikat China akan menjadi lebih kaya dan akan melihat untuk melabur di Malaysia, katanya.

Ini akan memberikan banyak peluang bagi peniaga-peniaga Malaysia dan di mana majlis akan memenuhi tujuannya, katanya.

Sementara itu, rakan sejawat China beliau, Wan, berkata bahawa Malaysia mempunyai beberapa kelebihan yang kukuh dan dianugerah dengan sumber asli seperti petroleum, hutan, dan juga pemuliharaan air yang baik dan pengurusan pelancongan.

Beliau juga memuji pembangunan pesat negara dalam industri elektronik

dan pembuatan, produk-produk petrokimia dan pertanian.

Pembangunan Malaysia adalah amat baik dan infrastrukturnya telah meningkat dengan banyak dengan lapangan terbang, landasan keretapi dan sistem jalanraya yang baik, katanya.

Beliau juga memuji rangka kerja undang-undang Malaysia yang kukuh dengan semua perkara dilakukan menurut undang-undang dan peraturan.

Menyebut persekitaran Malaysia sebagai salah satu yang terbaik, katanya bahawa semakin banyak syarikat China akan datang ke sini untuk melabur.

"Terdapat peningkatan yang pesat dalam import China dari Malaysia. Perdagangan dua hala hampir sama dengan Russia dan India," tambahnya.

Mengenai perniagaan tempatan yang mahu menguasai pasaran China, katanya bahawa mereka perlu mempunyai kefahaman terhadap pasaran yang mereka lihat, mempunyai produk yang sesuai yang mereka pakar dan juga mempunyai rakan perniagaan yang baik.

Mengenai persoalan yang China "mencuri" pelaburan langsung asing daripada negara-negara lain, katanya bahawa pembukaan pasaran China memberikan lebih banyak peluang daripada cabaran-cabaran. -- BERNAMA

ER SD OS